

**KHAZANAH WARISAN TEMPATAN DI PERPUSTAKAAN  
HAMZAH SENDUT, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA:  
KOLEKSI KAUM PERANAKAN ASIA TENGGARA**

**Siti Roudhah Mohamad Saad, Radia Banu Jan Mohamad,  
Cik Ramlah Che Jaafar dan Shahriza Fadly Misardin**

Perpustakaan Hamzah Sendut,  
Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Minden, Pulau Pinang  
srms@usm.my, shahriza\_fadly@usm.my,  
radia\_banu@usm.my, cramlah@usm.my

**ABSTRAK**

*Kertas kerja ini akan menerangkan tentang proses pembangunan Koleksi Kaum Peranakan Asia Tenggara di Bahagian Malaysiana dan Arkib, Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia. Sebagai sebuah pusat penyimpanan ilmu dan maklumat, Perpustakaan memainkan peranan penting dalam memastikan bahan-bahan yang mempunyai nilai tradisi dan kearifan tempatan terpelihara. Pembangunan koleksi merupakan nadi utama didalam sesebuah Perpustakaan, justeru, maksud dan kepentingannya akan turut diterangkan didalam kertas kerja ini. Pembangunan Koleksi Kaum Peranakan Asia Tenggara melibatkan aktiviti pengumpulan, penyimpanan, pemeliharaan dan penyebaran maklumat berkaitan dengan Kaum Peranakan di Asia Tenggara khususnya Kaum Cina Peranakan, Kaum Jawi Peranakan, Kaum India Peranakan (Kaum Chetti) dan Kaum Siam Peranakan (Kaum Melayu Sam-Sam). Inisiatif yang telah diambil bagi merealisasikan pembangunan Koleksi Kaum Peranakan Asia Tenggara ini akan dihuraikan dan dijelaskan dengan terperinci. Selain itu, cabaran dan halangan yang dihadapi sepanjang proses pembangunan koleksi ini akan turut diperjelaskan. Koleksi ini akan dapat memberi pendedahan khusus tentang kewujudan Kaum Peranakan, membantu menjelaskan tradisi dan memelihara khazanah warisan bangsa agar tidak hilang ditelan zaman. Koleksi ini juga dapat dijadikan sebagai sumber rujukan untuk membantu proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan generasi akan datang. Pembangunan koleksi ini juga boleh dijadikan penandaaras bagi pembangunan koleksi khas perpustakaan-perpustakaan di Malaysia didalam memperkasakan khazanah warisan bangsa.*

**Katakunci:** Koleksi Kaum Peranakan Asia Tenggara; Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia; Malaysiana; Kaum Peranakan; Pembangunan koleksi

**Siti Roudhah Mohamad Saad, Radia Banu Jan Mohamad,  
Cik Ramlah Che Jaafar dan Shahriza Fadly Misardin**

### **ABSTRACT**

*This paper will describe the process of collection development of Southeast Asia Peranakans in Malaysiana and Archives Division, Hamzah Sendut Library, Universiti Sains Malaysia. As a central repository of knowledge and information, the Library plays an important role in ensuring the preservation of materials which have traditional and local knowledge values. Collection development is a main activity in a library, therefore, the purpose and significance are also described in this paper. The collection development on South East Asia Peranakan involves the collection, storage, preservation and dissemination of information relating to the Peranakan people in Southeast Asia, particularly Chinese Peranakan, Jawi Peranakan, Peranakan Indians (The Chetti) and The Siam Peranakan (Malay Sam Sam). Initiatives that have been taken to realize the collection development of the Southeast Asia Peranakan will be described and explained in detail. In addition, the challenges and obstacles faced during the development process of this collection will also be clarified. This collection will give a specific disclosure of the existence of the Peranakan people, help track and preserve traditional heritage treasures so as not to be diminished by the passage of time. This collection can also be used as a reference to assist the teaching, learning and research of future generations. This effort could also be benchmarked for the development of special collections by other libraries in Malaysia in strengthening the national heritage treasures.*

**Keywords:** South East Asia Peranakan Collection; Hamzah Sendut Library; Universiti Sains Malaysia; Malaysiana; Peranakan; Collection development

### **PENDAHULUAN**

Khazanah warisan tempatan di dalam konteks ini merujuk kepada bahan-bahan yang mengandungi maklumat yang berkaitan dengan kaum Peranakan di Asia Tenggara. Perpustakaan bertanggungjawab untuk melindungi dan mengekalkan khazanah warisan tempatan ini kerana ia menggambarkan memori keseluruhan kehidupan kaum ini. Resolusi IFLA (International Federation of Library Associations and Institutions) di dalam *Standing Conference for Eastern, Central and Southern African Library Associations (SCECSAL)* 2002 yang ke-15, telah menggariskan beberapa peranan yang harus dimainkan oleh perpustakaan dan arkib dalam memelihara khazanah warisan tempatan. Antaranya ialah melaksanakan program untuk mengumpul, memelihara dan menyebarkan maklumat berkenaan, serta menyedia dan mempromosikan sumber maklumat yang menyokong pembelajaran dan penyelidikan berkaitan khazanah warisan tempatan.

Pustakawan juga memainkan peranan yang penting di dalam pemeliharaan khazanah warisan tempatan. Salah satu daripada aspek yang luas di dalam

***Khazanah warisan tempatan di Perpustakaan  
Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia***

aktiviti kepustakawanian ialah memperolehi bahan-bahan sumber maklumat yang boleh ditempatkan di dalam repositori budaya. Menurut Agee (2007), di kebanyakan negara membangun, pemeliharaan memori budaya dianggap sebagai pengekalan sesuatu budaya. Ini kerana, perolehan dan pemeliharaan bahan-bahan yang mempunyai nilai budaya selalunya dikaitkan dengan usaha terakhir untuk mengenalpasti aspek kebudayaan yang hampir pupus.

Dempsey (2001) menegaskan bahawa institusi seperti arkib, perpustakaan dan muzium adalah *memory institutions* kerana koleksinya mengandungi memori tentang manusia, masyarakat, institusi dan individu, warisan kebudayaan dan saintifik serta produk yang terhasil sepanjang zaman, melalui kreativiti dan pembelajaran.

Merujuk kepada Abdullah Ahmad Badawi (2000), untuk meningkatkan pengetahuan dan informasi yang terkandung di dalam koleksi tempatan, perpustakaan perlu memulakan usahasama dengan universiti-universiti serta arkib awam dan persendirian bagi membangunkan satu repositori untuk menyimpan sumber-sumber tempatan. Perpustakaan juga perlu memperbaiki kefahaman masyarakat global tentang kebudayaan Malaysia serta dapat menjadi pusat rujukan dunia dalam mengakses maklumat dan pengetahuan tentang negara ini.

Mohamed Khaled Nordin (2010) melalui ucapan perasmian di Majlis Pelancaran Koleksi Kaum Peranakan Asia Tenggara di Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia, telah menyatakan bahawa universiti adalah tempat yang terbaik untuk memperkuatkkan kefahaman tentang sejarah kerana di sinilah terkumpulnya komuniti cerdik pandai dan golongan muda yang bakal mewarisi kepimpinan negara. Seterusnya, beliau juga menekankan bahawa universiti berupaya untuk memperkasakan sejarah dan ini akan memudahkan proses integrasi antara kaum secara keseluruhannya.

### **KOLEKSI KAUM PERANAKAN ASIA TENGGARA**

Secara umumnya, kaum peranakan wujud hasil daripada perkahwinan wanita tempatan dengan masyarakat luar yang terdiri daripada pelbagai asal dan keturunan. Keunikan kaum ini meliputi bangsa, kebudayaan, bahasa dan cara hidup yang menjadi warisan penting untuk dipelihara agar tidak pupus dan hilang ditelan zaman. Oleh sebab itu, adalah wajar memori budaya ini diwujudkan kerana ianya mempunyai kepentingan yang tersendiri iaitu bagi memelihara khazanah warisan bangsa agar tidak hilang ditelan zaman dan juga bagi menyediakan sumber-sumber rujukan untuk penyelidikan generasi akan datang.

*Siti Roudhah Mohamad Saad, Radia Banu Jan Mohamad,  
Cik Ramlah Che Jaafar dan Shahriza Fadly Misardin*

### **Penubuhan Koleksi**

Penubuhan Koleksi Kaum Peranakan Asia Tenggara di Perpustakaan Hamzah Sendut ialah inspirasi Prof. Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak, Naib Canselor USM yang dicetuskan semasa berlangsungnya Majlis Perasmian Persidangan Cina Peranakan Pulau Pinang dan Cina Muslim pada tahun 2008. Beliau ingin melihat maklumat berkenaan kaum-kaum Peranakan dikumpul dan disatukan kerana wujudnya perkaitan dan dekatnya hubungan kaum Peranakan ini dengan masyarakat dan budaya Melayu. Oleh itu, selaras dengan peranan perpustakaan sebagai pusat pengumpulan ilmu dan sumber maklumat, maka pihak perpustakaan telah diminta mengambil inisiatif untuk mengumpul dan memelihara maklumat berkaitan kaum berkenaan. Memandangkan usaha pengumpulan dan pemeliharaan maklumat kaum ini belum pernah dijadikan satu koleksi yang khusus, maka Perpustakaan Universiti Sains Malaysia mampu menjadi sebuah pusat pengumpulan, penyimpanan, pemeliharaan dan penyebaran maklumat yang pertama berkaitan dengan kaum Peranakan.

Bagi memastikan penubuhan koleksi ini menjadi kenyataan, Perpustakaan telah menubuhkan satu jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Koleksi Kaum Peranakan Asia Tenggara (JKKPAT) yang ahlinya dipilih berdasarkan bidang tugas dan kepakaran berkaitan kaum Peranakan yang tertentu. Jawatankuasa ini telah mengenalpasti hanya empat kaum yang akan diberi tumpuan iaitu Kaum Cina Peranakan, Kaum Jawi Peranakan, Kaum India Peranakan (Kaum Chetti) dan Kaum Siam Peranakan (Kaum Melayu Sam Sam).

### **Kaum Cina Peranakan**

Definisi kaum Cina Peranakan dipetik daripada Wikipedia (2011) mentafsirkan kaum Cina peranakan sebagai:

“Komuniti Cina Peranakan atau Baba dan Nyonya boleh didefinisikan melalui etnik, budaya, geografi dan sejarah. Peranakan bermaksud keturunan. Baba merujuk kepada lelaki dan Nyonya merujuk kepada perempuan. Peranakan, Baba Nyonya dan ‘Straits Chinese’ digunakan untuk keturunan imigran China yang terawal di Nusantara yang telah mengamalkan budaya Melayu seterusnya berasimilasi dengan masyarakat tempatan”.

Menurut Ishak Saat (2009), baba dan nyonya adalah segolongan keturunan kaum Cina yang unik kedudukannya di kalangan kaum Cina yang terdapat di Negeri-negeri Selat dan Tanah Melayu amnya (kini Malaysia), khususnya di negeri Melaka. Mereka memanggil diri mereka sebagai "Baba" atau "Peranakan" kerana kebudayaan mereka, yang berasal daripada warisan tradisi Cina, mempunyai unsur-unsur pengaruh kebudayaan Melayu. Penyesuaian dan resapan budaya mereka terhadap suasana sosio-budaya di persekitaran mereka

di zaman silam, iaitu melalui perkahwinan campur yang berlaku di antara kaum-kaum Cina dan Melayu, adalah punca utama mengapa generasi seterusnya memanggil mereka sebagai "Baba". Dari segi anutan, kebanyakannya masih mengekalkan agama Buddha, namun telah ramai yang memeluk agama lain seperti Islam atau Kristian. Setelah bermastautin di Tanah Melayu dan menjawai kebudayaan Melayu akhirnya mereka ini menjadi sebahagian daripada kelompok masyarakat yang terdapat di Tanah Melayu.

### **Kaum Jawi Peranakan**

Definisi Jawi Peranakan oleh Omar Yusoff (2005) adalah:

"Pada hakikatnya, istilah ini adalah lebih eksklusif di Pulau Pinang. Ia dikatakan hanya digunakan sebagai rujukan kepada sebuah masyarakat yang terbentuk hasil daripada perkahwinan campur antara wanita Melayu tempatan dengan lelaki Arab, India-Muslim, Bengali, Punjabi, Gujerat dan Afghani. Ada juga pihak yang menyatakan istilah ini hanya digunakan sebagai rujukan kepada wanita Melayu tempatan yang berkahwin campur dengan lelaki yang datang daripada Benua India sahaja."

Menurut Brown (1977), Jawi peranakan juga dikenali dengan pelbagai gelaran iaitu Jawi Pekan, Jawi Pukan dan Jawi Bukan. Jawi membawa maksud Melayu dan istilah yang digunakan sebelum ini adalah untuk memberi gambaran masyarakat itu sebagai 'Melayu bukan, Keling pun bukan' (Keling merujuk kepada kaum India yang datang dari India Selatan). Meskipun kewujudan masyarakat Jawi Peranakan turut dikaitkan dengan perkahwinan campur antara wanita Melayu dengan lelaki Arab, Benggali, Punjabi dan Acheh, namun di Pulau Pinang, ia lebih sinonim dengan masyarakat India Muslim akibat penghijrahan rakyat dari India ke negeri selat itu sejak awal 1700. Lantaran mewarisi aktiviti perniagaan yang dimulakan nenek moyang mereka ketika berhijrah ke Pulau Pinang, Melaka dan Singapura, kebanyakan masyarakat Jawi Peranakan terkenal dengan kekayaan dan hidup mewah sekali gus menjadi antara sebab mereka pernah dikenali sebagai Jawi Pekan, iaitu Melayu yang hidup di pekan.

### **Kaum India Peranakan (Kaum Chetti)**

Definisi kaum India Peranakan atau kaum chetti oleh Dr. Noriah Mohamed (2009) ialah:

"Komuniti ini terbentuk hasil perkahwinan campur antara pedagang India Selatan dengan wanita tempatan di Melaka pada abad ke-16. Dalam hal ini, pedagang dari India Selatan, khususnya pedagang Tamil beragama Hindu yang datang ke Asia Tenggara pada sekitar abad ke-16 itu telah berkahwin atau tinggal

**Siti Roudhah Mohamad Saad, Radia Banu Jan Mohamad,  
Cik Ramlah Che Jaafar dan Shahriza Fadly Misardin**

bersama-sama perempuan tempatan, seperti Melayu, Jawa, Batak atau Cina”.

Menurut Noriah Mohamed (2009), bagi masyarakat umum, Chetti bermakna orang India Selatan daripada kasta Chettiar yang menetap di Kampung Keling, Melaka yang menjalankan kegiatan meminjam wang. Namun dari sudut yang lain, terdapat masyarakat Chetti yang tiada kaitan dengan golongan peminjam wang. Mereka ini ialah golongan Peranakan Hindu Melaka yang juga disebut Hindu Peranakan atau *Indian Babas*. Masyarakat Chetti telah wujud di Melaka sejak tahun 1500 lagi, iaitu ketika zaman kesultanan Melayu Melaka.

Dari segi amalan kehidupan, masyarakat ini boleh disamakan masyarakat Baba Melaka, lantaran terlalu kuat mengamalkan budaya tempatan dan hanya menggunakan istilah bahasa Tamil untuk kegunaan khusus membabitkan soal agama. Masyarakat ini mengamalkan ajaran Siva Hindu yang agak ortodoks. Seperti kaum Baba Nyonya, ia tidak jauh berbeza kerana wanitanya memakai kebaya labuh atau pendek dengan kerongsang dan bersanggul, manakala lelakinya berkain pelikat, berbaju cekak musang, sehelai selempang di bahu kiri dan memakai talpa (sapu tangan). Bagaimanapun, cara berpakaian ini sudah semakin sukar dilihat kecuali dalam kalangan warga tua, itupun bukan menjadi pakaian harian, mungkin pengaruh dunia moden yang bukan sekadar merubah cara hidup masyarakat Chetti Melaka, malah membabitkan pelbagai kaum dan bangsa di dunia ini.

#### **Kaum Siam Peranakan (Kaum Melayu Sam Sam).**

Definisi kaum Siam Peranakan atau kaum Melayu Sam-Sam oleh Dr. Sohaimi Abdul Aziz dan Omar Yusoff (2010) adalah:

“Sehubungan itu, ada yang mengatakan bahawa masyarakat Samsam adalah hasil daripada perkahwinan campur di antara Siam dengan Melayu, Siam dengan Cina, Siam dengan India dan antara Siam di selatan seperti di Satun, Yala dan Narathiwat dengan Siam di utara seperti dari Lembah Menam Chao Phraya. Sehubungan itu wujud pendapat yang mengatakan bahawa masyarakat Samsam terbahagi kepada dua iaitu Samsam Islam dan Samsam Buddha.”

Definisi kaum Siam Peranakan atau kaum Melayu Samsam dipetik daripada (Wikipedia, 2011) pula ialah:

“People of mixed Thai and Malay ancestry are known as Samsam, which forms the bulk of Satun's population but also a significant minority in Phatthalung, Trang, Krabi, Phang Nga and Songkhla as well as in the Malaysian states of Kedah, Perak and Perlis.

***Khazanah warisan tempatan di Perpustakaan  
Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia***

Samsams are generally adherents of Islam but culturally Thai, although Malay influences are co-dominant. Phuket and Ranong, home to a sizeable Muslim population, also has many people who are of Malay descent. A sizeable community also exists in Bangkok itself, having descended from migrants or prisoners who were relocated from the South from the 13th century onwards.<sup>1</sup>

Menurut Sohaimi Abdul Aziz dan Omar Yusoff (2010), kaum Peranakan Samsam Melayu-Islam ialah kaum Peranakan minoriti Melayu-Islam yang berketurunan Siam (Thailand) yang berada di sini semenjak abad ke-18 lagi dan keislaman mereka diragui kerana dipercayai mengamalkan amalan yang bertentangan dengan ajaran Islam. Walau bagaimanapun pada umumnya, identiti mereka ini telah berubah apabila terjadi asimilasi dengan masyarakat tempatan semenjak Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan pada tahun 1970-an. Kehadiran kaum Siam yang beragama Islam atau Buddha, kebanyakannya boleh ditemui di utara Kedah khususnya di kawasan yang bersempadan dengan Siam, telah mewujudkan satu kaum Peranakan yang dikenali sebagai kaum Peranakan Samsam atau Sam-sam. Terdapat beberapa pendapat tentang pembentukan kaum Samsam ini sehingga boleh menimbulkan kekeliruan.

Di dalam konteks etimologi, perkataan Samsam boleh dihubungkan dengan perkataan Melayu, “sama-sama” yang bermaksud bersama-sama. Di dalam bahasa Siam, “sam” bermaksud campur atau bercampur. Manakala di dalam dialek Cina Hokkien, Samsam dihubungkan dengan perkataan “tcham-tcham” yang membawa maksud bercampur-campur.

Kaum Peranakan Samsam Islam boleh dikenal pasti dengan memerhatikan bahasa Melayu yang digunakan. Loghat Siam masih boleh kedengaran dan loghat Siam ini tidak diterima oleh Asmah Omar (1979) sebagai dialek Samsam. Namun setelah empat atau lima generasi, kaum Peranakan Samsam Islam tidak lagi boleh bercakap Siam dan loghat Siam pun sudah tidak boleh lagi kedengaran.

### **Peranan Perpustakaan**

Perpustakaan berperanan sebagai agen penyimpan dan pemelihara bahan-bahan bersejarah, lama dan baru, untuk tatapan generasi akan datang. Peranan ini amat penting untuk memastikan kesinambungan warisan budaya Malaysia tersimpan dan terpelihara sebagai bahan bukti tentang kewujudan Malaysia sendiri. Perpustakaan Negara Malaysia umpamanya melalui Pusat Manuskrip Melayu, terus-terusan di dalam usaha mengenalpasti dan memperoleh manuskrip Melayu dari pelosok dunia dan menjadikannya sebagai koleksi simpanan kekal yang amat bernilai. Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang juga mempunyai

*Siti Roudhah Mohamad Saad, Radia Banu Jan Mohamad,  
Cik Ramlah Che Jaafar dan Shahriza Fadly Misardin*

koleksi khas tentang kartunis terkenal kelahiran Pulau Pinang iaitu Rejabhad F.I dengan mengumpul dan memelihara segala bentuk karya beliau untuk tatapan masyarakat Pulau Pinang khususnya dan Malaysia amnya. Kesimpulannya, peranan perpustakaan adalah pelbagai dan sebahagian besarnya sebagai pasak dan pemangkin yang menyokong dan menguatkan proses pembelajaran, penyelidikan, pembacaan, pembangunan dan pemeliharaan khazanah dan warisan budaya bangsa (Norasiah Haji Harun, 2006).

### **Pakar Rujuk**

Bagi merealisasikan usaha pengumpulan bahan-bahan berkaitan kaum Peranakan Asia Tenggara, JKKPAT telah mengenalpasti beberapa individu yang boleh dijadikan pakar rujuk atau mempunyai perkaitan rapat dengan kaum Peranakan serta dapat memberi pandangan tentang sumber-sumber maklumat berkenaan. Mereka adalah:

1. Kaum Jawi Peranakan: Tuan Haji Yusoff Azmi Merican, Ahli Persatuan Melayu Pulau Pinang (PEMENANG) dan berketurunan Jawi Peranakan; Tuan Haji Mohd. Mustakim Mohd. Mastan, Ahli Persatuan Melayu Pulau Pinang (PEMENANG) dan berketurunan Jawi Peranakan; Encik Omar Yusoff, Penyelidik untuk bidang kaum Jawi Peranakan.
2. Kaum Cina Peranakan: Dato' Seri Khoo Keat Siew, Presiden Persatuan Cina Peranakan Pulau Pinang dan berketurunan Cina Peranakan; Prof. Madya Dr. Sohaimi Abdul Aziz, Pensyarah dan penyelidik untuk bidang kaum Jawi Peranakan.
3. Kaum India Peranakan (Chetti): Encik Nadarajan a/l Kandasamy Raja, berketurunan India Peranakan (Chetti), dari Perkampungan Chitty, Gajah Berang, Melaka; Prof. Madya Dr. Noriah binti Mohamed, pensyarah dan penyelidik untuk bidang kaum India Peranakan (Chetti).
4. Kaum Melayu Peranakan Siam (Samsam): Abdul Majid bin Mohd. Noh, Tok Dalang Wayang Kulit Seri Asun, berketurunan Samsam dari Kampung Kunluang, Asun, Kedah; Prof. Dr. Sohaimi Abd Aziz, pensyarah dan penyelidik kaum Samsam.

### **Pembangunan Koleksi**

Pembangunan koleksi bermaksud memperoleh bahan-bahan yang sesuai bagi dimasukkan ke dalam koleksi perpustakaan. Oleh itu pembangunan koleksi juga sering dipanggil perolehan. Fungsi utama perpustakaan akademik adalah menyediakan bahan-bahan untuk kegunaan para pelajar dan tenaga pengajar di institusinya. Oleh itu sebahagian besar koleksi perpustakaan akademik tertumpu

***Khazanah warisan tempatan di Perpustakaan  
Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia***

kepada kurikulum pendidikan di institusi itu. (Irma Indayu Omar, 2005). Walau bagaimanapun Koleksi ini adalah terbuka kepada semua penyelidik dalam dan luar Universiti Sains Malaysia yang berminat untuk membuat kajian lanjut mengenai kaum tersebut.

Pembangunan koleksi melibatkan proses pengenalpastian, pemilihan, perolehan dan penilaian sumber maklumat perpustakaan yang merangkumi bahan bercetak, audio visual dan elektronik. Bermula pada tahun 2008, bahan-bahan berkaitan kaum Peranakan yang sedia dimiliki oleh Perpustakaan telah dikumpulkan. Pada awalnya, jumlah koleksi terkumpul yang terdiri daripada buku, bahan media dan bahan mikro telah melebihi 60 judul. Bahan-bahan ini kemudiannya ditempatkan di Bahagian Malaysiana dan Arkib.

Penambahan judul baharu ditumpukan dengan mempelbagaikan format bahan, seperti bahan buku (termasuk tesis, novel, biografi dan autobiografi), risalah, gambar, bahan multimedia (termasuk video dan filem), artikel dan rakaman temubual (sejarah lisan). Bahan seperti artifak dan realia tidak termasuk di dalam skop perolehan bahan untuk koleksi ini.

Antara aktiviti berterusan yang sedang dan akan dijalankan ialah memperolehi bahan-bahan melalui pembelian, sumbangan, membuat salinan, mengadakan program pertukaran dengan mana-mana perpustakaan yang mempunyai tesis berkaitan kaum Peranakan seperti Perpustakaan Awam Kedah dan Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, mengadakan sejarah lisan, dan mewujudkan persefahaman dengan pemilik bahan iaitu sekiranya ada permintaan daripada penyelidik untuk merujuk kepada bahan berkenaan, Perpustakaan akan meminjam bahan ini daripada pemilik dan akan dikembalikan semula selepas dirujuk. Melalui usaha pemantapan ini, Perpustakaan telah berupaya meningkatkan bilangan koleksi kepada lebih kurang 140 bahan.

Dalam konteks perpustakaan, setiap koleksi khas akan diberi label khusus untuk memudahkan bahan dibezakan serta dikenalpasti diantara koleksi-koleksi sedia ada. Perpustakaan telah menentukan supaya singkatan KPM yang merujuk kepada Kaum Peranakan Malaysia digunakan sebagai label untuk Koleksi ini. Label KPM ini dilekatkan pada tulang buku atas label nombor panggilan pada sesebuah bahan. Bagi pengaksesan bahan melalui sistem dalam talian Perpustakaan pula, singkatan KPM diletakkan di dalam rekod naskhah.

**Siti Roudhah Mohamad Saad, Radia Banu Jan Mohamad,  
Cik Ramlah Che Jaafar dan Shahriza Fadly Misardin**

The screenshot shows a library search interface for Universiti Sains Malaysia (USM). At the top, there's a logo for USM and a banner for 'Perpusfakaan Universiti Sains Malaysia'. Below the banner, it says 'Query Result' and 'Showing 1 - 1 of 1 result found.' On the right, there are options for 'Display mode: Graphical (radio button selected) Tabular'. The main content area shows a single search result for a book titled 'The ways of the matriarch cookbook'. The details are as follows:

<input type="checkbox"/> Control Number - 0000721857	
ISBN	9812329595
CLASS NUMBER	TX724.5
CALL NUMBER	TX724.5. W358 2005
TITLE	The ways of the matriarch cookbook
PUBLISHER INFORMATION	Singapore: Marshall Cavendish Editions, 2005.
PHYSICAL DESCRIPTION	147 p. : col. ill. ; 25 cm.
SUBJECT	Cookery, Peranakan

Below this is a table titled 'Accessions' with one row of data:

Accession Number	Spine Label	Branch	Location	Due Date	Due Time	Status	SMD	Item Category	Notes
00001692106	TX724.5.W358 2005 rbm	PHS	PHS			Available	Malaysiana	Malaysiana/Arkib	rbm KPM

Rajah 1: Contoh Rekod Naskhah Buku Koleksi Kaum Peranakan Asia Tenggara

### Jenis-jenis Bahan

Antara contoh bahan yang terdapat dalam Koleksi Kaum Peranakan Asia Tenggara ialah seperti berikut:

#### 1. Buku

Chee, Beng Tan. (1988). *The Baba of Melaka : culture and identity of a Chinese Peranakan community in Malaysia*. Petaling Jaya, Selangor: Pelanduk Publications.  
DS595.C5T162 rbm KPM

Lim, Catherine. (2003). *Gateway to peranakan culture*. Singapore : Asiapac Books.  
DS599.42.A2C5 L73 2003 rbm KPM

*Papers of the Seminar on the Heritage of the Peranakan Cina, 2-3 December 1988, Pulau Pinang*. Pulau Pinang: [s.n.]  
DS595.C5S471 1988 rbm KPM

#### 2. Bahan Media

Universiti Sains Malaysia. Unit Teknologi Pendidikan. (1983). *Traditional Baba wedding in Malacca (videorecording)*. Pulau Pinang : Museum and Gallery, Universiti Sains Malaysia.  
GT2779.A3M5 T76 rbm KPM

#### 3. Mikrofilem

Chee, Beng Tan. (1983). *Baba and nyonya a study of the ethnic identity of the Chinese peranakan in Malacca*. Ann Arbor: University Microfilms International.  
Microfilm 2325

***Khazanah warisan tempatan di Perpustakaan  
Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia***

Gill, Harbajan Singh. (1972). *The Singapore Babas*. Kuala Lumpur : University of Malaya Library Microfilm Service.  
Microfilm 194.03

Pillsbury, Barbara Linne Kroll (1975). *Cohesion and cleavage in a Chinese Muslim minority*. High Wycombe, Bucks: University Microfilms.  
Microfilm 737

4. Tesis

Ong, Kelvin U-Lin. (1999). *Kebudayaan hibrid dalam alam bina Malaysia kajian kes masyarakat baba nyonya Melaka*. Unpublished master's thesis, Universiti Sains Malaysia.  
NA1525.6.M2 N576 1999 f rb KPM

Suhaila Abdullah. (2006). *Pemikiran keagamaan dan sistem kepercayaan masyarakat Peranakan Cina di Melaka Tengah*. Unpublished master's thesis, Universiti Malaya.  
DS599.M2 S948 2006 f rb KPM

Tan, Kiat Kai. (1998). *Senihiias dalam rumah kaum Baba : kajian kes di Negeri Melaka*. Unpublished undergraduate project paper, Universiti Kebangsaan Malaysia.  
NK1105. T161 1998 f rb KPM

5. Sejarah Lisan

Aktiviti sejarah lisan telah diadakan di dalam program Bicara Ilmu anjuran Bahagian Malaysiana dan Arkib bersama beberapa orang tokoh. Tuan Haji Yusoff Azmi Merican dan Tuan Haji Mohd. Mustakim Mohd. Mastan telah berbicara mengenai kaum Jawi Peranakan; Abdul Majid bin Mohd. Noh mengenai kaum Samsam; Encik Nadarajan a/l Kandasamy Raja mengenai kaum Chetti atau India Peranakan serta Tjong Fungi Fon atau Fon Prawira mengenai kaum Cina Peranakan Indonesia.

### **CABARAN DAN HALANGAN**

Pada peringkat awal pembinaan koleksi ini, terdapat beberapa cabaran dan halangan yang perlu ditempuhi oleh Perpustakaan dalam meneruskan pembinaan koleksi kaum Peranakan. Cabaran utama adalah dari segi pemahaman tentang definisi kaum-kaum yang telah dikenalpasti. Oleh kerana itu, Perpustakaan perlu mendapat khidmat nasihat daripada pakar-pakar rujuk yang telah dikenalpasti dapat memberi gambaran serta definisi yang tepat tentang kaum Peranakan.

**Siti Roudhah Mohamad Saad, Radia Banu Jan Mohamad,  
Cik Ramlah Che Jaafar dan Shahriza Fadly Misardin**

Disamping itu, Perpustakaan juga harus membuat rujukan mendalam untuk mengenalpasti sumber maklumat yang sepatutnya dimasukkan ke dalam koleksi.

Cabaran seterusnya ialah dari segi pengumpulan bahan samada melalui pembelian mahupun melalui sumbangan. Terdapat sedikit kesukaran untuk memperolehi bahan-bahan nadir kerana kebanyakan bahan nadir dimiliki oleh orang perseorangan dan memerlukan kos yang tinggi untuk mendapatkaninya. Di samping itu, bahan-bahan ini juga semakin berkurangan dari setahun ke setahun samada rosak kerana tidak dijaga ataupun hilang. Ini merupakan cabaran kepada Perpustakaan untuk terus berusaha memastikan peruntukan sentiasa mencukupi dan bertindak segera mendapat maklumat berkenaan bahan-bahan ini.

Selain daripada bahan bercetak, maklumat yang tersimpan di dalam memori juga merupakan bahan yang penting dan perlu dikumpul. Menurut Sohaimi Abdul Aziz dan Noriah Mohamed (2009), kaum Peranakan merupakan kaum minoriti dan jumlah mereka ini semakin berkurangan kerana generasi baharu kurang mengamalkan adat budaya mereka dan sebahagiannya enggan dikenali atau dikaitkan dengan keturunan mereka. Contoh kaum yang semakin berkurangan jumlahnya ialah kaum Samsam dan kaum Chetti. Bagi kaum Samsam, bilangannya semakin merosot kerana mereka mengasimilasikan diri mereka dengan masyarakat Melayu tempatan melalui pendidikan dan perkahwinan. Fenomena ini merupakan cabaran kepada Perpustakaan untuk terus bekerjasama dengan pensyarah, penyelidik atau pakar rujuk bagi mengumpul dan melengkapkan maklumat berkenaan kaum-kaum ini samada melalui rakaman temubual atau hasil-hasil kajian yang telah dijalankan oleh mereka samada di dalam atau di luar negara. Dalam hal ini, hubungan yang erat dan berterusan adalah penting.

Aspek pemprosesan, penyimpanan dan pemeliharaan juga merupakan cabaran kepada Perpustakaan untuk memastikan bahan-bahan yang telah diperolehi dapat dipelihara dan dikekalkan sebaik mungkin. Bahagian-bahagian yang terlibat bagi aspek ini ialah Bahagian Perolehan, Bahagian Bahan-Bahan Bersiri dan Dokumen, Bahagian Proses Teknik dan Bahagian Malaysiana dan Arkib. Sebahagian daripada bahan untuk Koleksi ini fizikalnya rapuh dan mudah koyak. Dengan ini, staf yang terlibat memproses, menyimpan dan memeliharanya perlu dilatih tentang aspek pengendalian bahan-bahan sebegini. Cabaran kepada Perpustakaan adalah untuk memastikan staf yang terlibat sentiasa prihatin dan memahami tentang keperluan pengendalian yang betul.

Seterusnya, cabaran bagi Bahagian Malaysiana dan Arkib ialah menyediakan ruang penyimpanan khusus serta sentiasa mematuhi piawaian suhu dan

***Khazanah warisan tempatan di Perpustakaan  
Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia***

kelembapan yang ditetapkan untuk menjaga kondisi bahan. Walau bagaimanapun, koleksi ini yang ditempatkan di Bahagian Malaysiana dan Arkib, telah pun mempunyai ruangannya yang tersendiri iaitu di bangunan baharu Perpustakaan Hamzah Sendut.

Cabaran terakhir bagi Perpustakaan ialah memastikan koleksi ini dapat dimanfaatkan oleh pelbagai pihak dan bagi tujuan ini, promosi harus dipergiatkan. Mempromosi perkhidmatan perpustakaan adalah penting kerana sesetengah perpustakaan mempunyai koleksi yang baik dan menyeluruh tetapi tidak ramai pengguna yang sedar kewujudan koleksi tersebut. (Norasiah Haji Harun, 2006). Menyedari kepentingan aspek ini, aktiviti promosi telah dijalankan melalui pembinaan portal khusus untuk Koleksi Kaum Peranakan Asia Tenggara, penulisan dan pameran berterusan yang diadakan di Perpustakaan Hamzah Sendut.

#### **PENUTUP**

Majlis pelancaran untuk mewar-warkan penubuhan Koleksi ini telah disempurnakan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Y.B. Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin pada 14 April 2010 bertempat di Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia. Dengan pelancaran koleksi ini, maka secara rasminya Koleksi Kaum Peranakan Asia Tenggara telah dibuka untuk diakses oleh pelanggan Perpustakaan. Pameran bertajuk ‘Mendekati Kaum Peranakan Asia Tenggara’ yang menempatkan bahan-bahan bercetak, bukan bercetak, digital, realia dan fotografi juga telah diadakan meliputi pelbagai bidang iaitu sastera, sejarah, bahasa, geografi, ekonomi, politik, sosial, budaya, seni dan agama. Tujuan pameran adalah untuk memperkenalkan budaya, gaya hidup dan sumber maklumat berkenaan kaum tersebut supaya masyarakat lebih menghargai sejarah dan keunikan kaum ini.

Sejarah amat penting kerana melaluinya, kita dapat melihat secara jelas kedudukan kaum-kaum di sesebuah negara dan lebih penting kita dapat memahami proses perkembangannya. Seperti sejarah, pembinaan koleksi berkaitan kearifan tempatan juga mempunyai perkembangannya yang tersendiri, iaitu ianya tidak boleh dipaksa atau dipercepatkan. Terdapat berbagai kekangan dan masalah di dalam usaha untuk merealisasikannya tetapi ia tidak seharusnya dijadikan halangan untuk mewujudkan koleksi begini kerana hasilnya amat bermanfaat dalam usaha mengintegrasikan masyarakat sejagat.

Pembangunan Koleksi Kaum Peranakan Asia Tenggara merupakan salah satu daripada usaha membina koleksi memori budaya dan kearifan tempatan. Selain daripada pendedahan tentang kewujudan kaum Peranakan, Koleksi ini juga merupakan pusat untuk memelihara khazanah warisan bangsa dan dapat juga

**Siti Roudhah Mohamad Saad, Radia Banu Jan Mohamad,  
Cik Ramlah Che Jaafar dan Shahriza Fadly Misardin**

dijadikan sebagai sumber rujukan dan penyelidikan. Tidak dinafikan pelbagai kajian telah dibuat tentang kaum Peranakan ini, tetapi hasil kajian itu bertaburan dan mungkin sebahagiannya telah hilang kerana kaum Peranakan itu sendiri semakin pupus. Dengan adanya koleksi Kaum Peranakan Asia Tenggara ini, diharap hasil kajian dan koleksi peribadi kaum ini dapat disimpan dengan selamat dan terpelihara. Pihak Perpustakaan akan meneruskan usaha memantapkan koleksi ini dan mempergiatkan pengumpulan bahan terutama di luar negara bagi mewujudkan satu koleksi lengkap, bermutu dan bertaraf dunia. Akhirnya, diharapkan usaha Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia ini dapat dijadikan penandaras kepada pembangunan koleksi khas perpustakaan-perpustakaan di Malaysia.

## **RUJUKAN**

- Abdullah Hj. Ahmad Badawi. 2000. Ucapan perasmian sempena Malaysian National Digital Initiative, Cyberjaya, 27 Jun 2000.
- Agee, J. 2007. *Acquisitions Go Global: An Introduction to Library Collection Management in the 21<sup>st</sup> Century*, Oxford: Chandos Pub.
- Asmah Haji Omar. 1979. The Kedah dialect: Its distribution, development and role in the Kedah speech community. In: *Darulaman Essays on Linguistic, Cultural and Socio-economic Aspects of the Malaysian State of Kedah*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press : 1-14.
- Brown, Helen Margaret. 1977. *The South Indian Muslim community and the Evolution of the Jawi Peranakan in Penang up to 1948*. Unpublished Master dissertation, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Dempsey, L. 2001. Scientific, industrial and cultural heritage: a shared approach. *Ariade*, No. 22.
- International Federation of Library Associations and Institutions. 2010. IFLA Statement on Indigenous Traditional Knowledge. Accessed on 18 August 2011 from: <http://www.ifla.org/en/publications/ifla-statement-on-indigenous-traditional-knowledge>
- Irma Indayu Omar. 2005. *Panduan Mengurus Perpustakaan*. Pahang: PTS Professional Publishing.
- Ishak Saat. 2009. *Sejarah Panjang Hubungan Malaysia-China*. Pulau Pinang: Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh.

***Khazanah warisan tempatan di Perpustakaan  
Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia***

- Mohamed Khaled Nordin. 2010. Ucapan Perasmian Sempena Pelancaran Koleksi Kaum Peranakan Asia Tenggara di Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang, 19 April 2010.
- Norasiah Haji Harun. 2006. *Panduan Asas Penubuhan Perpustakaan*. Selangor: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UiTM.
- Noriah Mohamed. 2009. *Bahasa Melayu Kreol Chetti Melaka: Deskripsi Leksiko-Fonologi*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Omar Yusof. 2005. *Kaum Jawi Peranakan: Isu-isu Budaya Dalam Konteks Pembentukan Masyarakat Majmuk di Malaysia*. Unpublished PhD thesis, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Sohaimi Abdul Aziz. 2009. Masyarakat Samsam di Kedah : sejarah dan stigma. Kertas kerja dibentangkan di *Seminar Masyarakat Samsam di Utara Semenanjung*, Kangar, Perlis, 14 Februari 2009.
- Sohaimi Abdul Aziz dan Noriah Mohamed. 2009. Mesyuarat Jawatankuasa Koleksi Kaum Peranakan Asia Tenggara di Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang.
- Sohaimi Abdul Aziz dan Omar Yusoff. 2010. Perkembangan identiti Kaum Peranakan Samsam Islam: satu kajian kes seorang Dalang Wayang Gedek di Kedah. *Sari – International Journal of The Malay World and Civilisation*, Vol. 28, no. 2 : 83-107.
- Wikipedia: The free encyclopedia*. 2010. FL: Wikimedia Foundation, Inc. Accessed on 1 May 2011 from : <http://www.wikipedia.org>.